AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NASIONAL

KKM teliti laporan ujian klinikal fasa 3

Putrajaya: Kementerian Kesihatan (KKM) perlu menganalisis laporan ujian klinikal fasa ketiga setiap vaksin yang sedang dibangunkan pelbagai pihak ketika ini, sebelum membuat sebarang pembelian untuk kegunaan rakyat bagi mencegah COVID-19.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata ketika ini ada 11 vaksin untuk COVID-19 yang berada dalam fasa ketiga ujian klinikal, tetapi KKM belum mendapat laporan mengenainya.

"Kami berharap untuk mendapatkan laporan itu bagi menganalisis bagi melihat aspek keselamatan serta keberkesanan setiap vaksin berkenaan," katanya pada sidang media harian COVID-19, di sini, semalam.

Beliau mengulas pengumuman syarikat farmaseutikal gergasi Amerika Syarikat (AS), Pfizer, bahawa vaksin COVID-19 yang sedang dibangunkannya berjaya mencatatkan keberkesanan lebih 90 peratus.

Dr Noor Hisham berkata, KKM sebelum ini pernah membuat keputusan tidak mendapatkan vaksin bagi Denggi, biarpun sudah boleh dipasarkan berikutan timbul isu keselamatan dalam laporan ujian klinikal fasa ketiganya.

Pada masa sama, beliau berkata, KKM perlu menyediakan semua infrastruktur serta perkara berkaitan logistik sebelum perolehan vaksin COVID-19 dapat dilaksanakan.

Katanya, ia termasuk isu bekas yang boleh menyimpan vaksin itu pada suhu negatif 80 darjah Celcius dan perkara logistik berkaitan.

Sementara itu, Felo Kanan Akademi Sains Malaysia (ASM) yang juga Perunding Penyelidik Universiti Malaya (UM), Prof Emeritus Datuk Dr Lam Sai Kit, menyifatkan pencapaian Pfizer berkenaan amat membanggakan kerana dapat membangunkan vaksin berkenaan dalam tempoh sepuluh bulan sejak awal tahun ini.

"Namun, Malaysia mungkin tidak akan mendapat akses kepada vaksin itu dalam tempoh terdekat kerana permintaan global.

"Sementara itu, penting kepada kita untuk terus mematuhi peraturan bagi mengelak penularan COVID-19 hingga negara memperoleh akses kepada vaksin berkenaan," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Beliau berkata, keberkesanan hingga 90 peratus vaksin itu adalah khabar gembira ketika dunia kini menyaksikan kes jangkitan terus meningkat dengan bilik rawatan intensif hospital semakin penuh, manakala jumlah kematian semakin tinggi.

Katanya, seluruh dunia memerlukan vaksin itu untuk melindungi tujuh bilion penduduk daripada ancaman pandemik terbabit.

Malaysia mungkin tidak akan mendapat akses kepada vaksin itu dalam tempoh terdekat kerana permintaan global.

Dr Lam Sai Kit,
Felo Kanan ASM/ Perunding Penyelidik UM